



**KENYATAAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

1. Kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang masih sah laku yang telah **Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**. Hanya kontraktor bumiputera yang **beralamat di dalam Negeri Kedah** sahaja serta mempunyai **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) berstatus Patuh** dibenarkan dalam membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK
MPLBP/SBT/46/2026	CADANGAN KERJA-KERJA PENGINDAHAN LANDSKAP DI PEMBAHAGI LALUAN KELIBANG (JALAN PADANG MATSIRAT) MP. LANGKAWI, KEDAH.	GRED : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 & CE14	TARIKH : 26 OGOS 2026 (RABU) MASA : 10.30 PAGI TEMPAT : POCKET PARK (KAWASAN LAMPU ISYARAT POKOK ASAM/KEDAI MAXIS, KUAH) TARIKH TUTUP : 02 SEPT. 2026 (RABU)

2. Borang sebut harga dengan harga **RM 50.00** boleh didapati di Kaunter Hasil, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan **mulai 26 OGOS 2026 hingga 02 SEPT. 2026**.
3. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL TARAF BUMIPUTERA, PENDAFTARAN SSM & PENDAFTARAN SURUHANJAYA TENAGA (BAGI KONTRAKTOR ELEKTRIK)** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri **30 MINIT SEBELUM MASA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIMULAKAN**. Hanya pemegang lesen yang sah dan berdaftar dengan MPLBP sahaja berhak hadir dalam lawatan tapak. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**.
4. Semua Borang Sebut Harga mestilah dikemukan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **02 SEPT. 2026 (RABU) Jam 12.00 TENGAHARI**. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya pelancongan tidak terikat untuk menerima yang terendah atau sebarang tawaran. Borang Sebut harga yang lewat dihantar berkait apa jua alasan adalah tidak dilayan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"

"THE GREATER KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD HAMRI BIN ABIDIN.,AMK.,BCK)
Yang Dipertua

